

PERKEMBANGAN STRUKTUR INDUSTRI PEMBUATAN DAN KESAN
PERUBAHAN WILAYAH
Kajian Kes: Daerah Pontian

MASLIYANA BINTI MD NOOR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

ABSTRAK

Perbezaan tahap capaian pembangunan sesebuah wilayah dipengaruhi oleh takat pertumbuhan ekonomi berdasarkan kejayaan mengeksploitasikan nilai bandingan yang wujud. Memandangkan kepentingan struktur industri pembuatan dalam konteks pembangunan Negeri Johor dan juga nasional, kajian telah dijalankan bagi menerangkan perubahan ekonomi Daerah Pontian dalam tempoh 1993-1999 dengan tumpuan terhadap kesan struktur industri pembuatan berdasarkan petunjuk guna tenaga. Kajian ini cuba menjawab persoalan bagaimanakah kedudukan nilai bandingan mempengaruhi tahap pertumbuhan industri dan ekonomi wilayah berdasarkan penilaian menggunakan Analisis *Shift-Share*. Bagi mencapai matlamat ke arah pembangunan industri pembuatan dan ekonomi Daerah Pontian, kajian ini telah menetapkan objektifnya untuk menggunakan Analisis *Shift-Share* bagi mengenalpasti kedudukan nilai bandingan Daerah Pontian dalam konteks industri pembuatan. Untuk itu, skop kajian ditumpukan kepada mengkaji kedudukan nilai bandingan tersebut berdasarkan syer negara, percampuran industri dan daya saing lokasi. Hasil Analisis *Shift-Share* yang dijalankan di peringkat negeri, Pontian hanya merupakan antara empat penyumbang guna tenaga terendah berbanding Johor Bahru yang merupakan penyumbang terpenting kepada pembangunan keseluruhan Negeri Johor. Analisis *Shift-Share* ke atas Daerah Pontian pula mendapati, sektor pembuatan di Pontian mempunyai percampuran industri yang sangat baik tetapi tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan Negeri Johor disebabkan faktor kelemahan lokasi yang sangat ketara. Kesemua struktur industri menunjukkan nilai daya saing lokasi yang negatif dan menampakkan kelemahannya untuk bersaing dengan lokasi-lokasi yang lain. Sehubungan itu, peringkat akhir kajian ini mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu dalam usaha meningkatkan pencapaian industri di Daerah Pontian sekaligus menggerakkan pembangunan wilayah.

ABSTRACT

Development in a district is influenced by the economic growth rate based on the success to exploit the existing comparison value. Industrial structure is important in the development of the state of Johor. Hence, this research is done to explain the economic changes in the Pontian District from 1993 to 1999. Focus is given to the effects of the manufacturing industry structure based on the manpower indicator. This research looks into how the position of the comparison value, based on shift-share analysis, impacts the industry's and the district's economic growth rate. The objective of this research is to use the Shift-Share Analysis to determine the position of the comparison value for Pontian. Research scope encompasses country's share, industrial mix and location advantages. Based on the state level Shift-Share Analysis, Pontian is one of the four lower manpower contributors in Johor. The manufacturing industry in Pontian was discovered to be a very good industrial mix. Unfortunately, it could not grow in sync with the overall growth in Johor. This is due to its very apparent locality problem. All the industry structures showed a negative location competitiveness level and failed to compete with other better locations. The end of this research will come up with alternative proposals to provide better industrial achievements in Pontian despite of encouraging regional change.